

**Persepsi adalah masalah utama BN, kata Najib  
Malaysian Insider  
June 3, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 Jun – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengakui kelemahan utama kerajaan adalah mengurus dengan lebih baik persepsi negatif disebarkan secara meluas di atas talian yang dikuasai oleh elemen anti- Barisan Nasional (BN).

Dalam perhimpunan bulanan pertama dengan kakitangan Pejabat Perdana Menteri sejak pilihan raya umum ke-13, Najib berkata kerajaan perlu menangani “kelemahan” itu kerana kebanyakan orang telah dikelirukan oleh usaha untuk menjatuhkan pentadbiran pimpinan BN.

“Persepsi boleh dibentuk dalam pelbagai cara. Mungkin tidak melalui mesyuarat secara bersemuka, tetapi melalui Facebook.

“Jika ada terdapat sebarang kelemahan dalam kerajaan, ia mungkin kita tidak begitu baik dalam berhadapan dengan serangan persepsi,” katanya dipetik dari The Star Online.

Najib yang mengangkat sumpah baru-baru ini sebagai perdana menteri penggal kedua, telah bersungguh-sungguh melawan pelbagai kritikan terhadapnya dan pasukan semenjak menjelang pilihan raya umum ke 13 pada 5 Mei.

Walaupun berjaya memimpin BN untuk memenangi Pilihan Raya 2013, pengerusi BN itu telah merekodkan tiga kegagalan besar; gagal untuk merampas semula negeri terkaya Selangor, gagal untuk mendapatkan kembali majoriti tradisi dua pertiga dan gagal untuk memenangi undi popular.

Apabila gagal untuk mempertahankan majoriti dua pertiga di Parlimen pada Pilihan Raya 2008, Tun Abdullah Ahmad Badawi tidak mempunyai pilihan selain meletakkan jawatan untuk memberikan laluan kepada Najib pada April 2009.

Kali ini walau bagaimanapun, dipercayai Najib tidak perlu mengikut jejak langkah Abdullah dengan meletakkan jawatan sebagai perdana menteri dan presiden Umno semasa pemilihan parti hujung tahun ini.

Menurut bekas perdana menteri paling lama berkhidmat Tun Dr Mahathir Mohamad, ini adalah kerana tiada lagi pemimpin lebih layak dari Najib untuk memimpin negara pada ketika ini.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/persepsi-adalah-masalah-utama-bn-kata-najib/>

